

[BAHASA MELAYU]

## Panduan Mengambil Sampel Burung

### Pengambilan Sampel Darah Burung

#### Perhatian:

Sekiranya anda tidak berpengalaman mengendalikan burung, kami mengesyorkan agar sampel diambil oleh pengendali burung yang berpengalaman atau doktor haiwan. Langkah berjaga-jaga ini adalah untuk keselamatan anda dan burung anda.



#### Bahan

- i) Isi Borang Atas Talian atau Cetak Borang Pesanan
- ii) Pemotong kuku
  - ✓ Bersihkan pemotong kuku dengan swab alkohol
  - ✓ Basuh tangan anda sebelum mengambil sampel untuk burung yang seterusnya.
- iii) Serbuk koagulasi (cth: bedak bayi, serbuk kanji atau serbuk koagulasi yang sesuai untuk burung)
  - ✓ Untuk menghentikan pendarahan daripada kuku burung
- iv) Swab alkohol
  - ✓ Untuk pembersihan pemotong kuku dan kuku burung
- v) Sampul surat / Beg Ziplock
  - ✓ 1 sampel burung dalam 1 sampul surat atau 1 beg ziplock sahaja.

#### Kaedah pengambilan sampel

1. Isikan butiran pada Borang Atas Talian/ Cetakan Borang Pesanan. Kemudian, labelkan setiap sampul surat / beg ziplock dengan: -
  - a. Nama Pemilik
  - b. Nama Sampel Burung/ ID Gelang
  - c. Spesies Burung
2. Bersihkan kuku burung dengan swab alkohol.
3. Pastikan burung dipegang dengan rapi. Potong kuku burung (rujuk **Rajah 1b**) untuk mendapatkan sampel darah.
4. Jika darah tidak kelihatan, tekan perlahan-lahan bahagian kuku yang dipotong untuk mengeluarkan darah.
5. Titik 1 hingga 3 titisan darah pada kertas A4 yang kering. Biarkan darah kering selama 1 jam di tempat yang bersih.
6. Pastikan bahagian kuku burung tidak lagi berdarah sebelum ia diletakkan semula ke dalam sangkar. Anda juga boleh hentikan pendarahan kuku burung dengan menggunakan serbuk koagulasi.
7. Masukkan potongan kertas A4 yang mengandungi sampel darah yang kering ke dalam sampul surat/ beg ziplock yang telah disediakan.

**NOTA:** Jangan campurkan sampel daripada burung yang berlainan ke dalam sampul surat/ beg ziplock yang sama. Pastikan setiap sampel diletakkan dalam sampul surat/ beg ziplock yang berasingan pada setiap masa.


8. Sila hantar sampel ke alamat berikut.

#### Pelanggan dari Malaysia atau negara lain: -

##### **APICAL SCIENTIFIC SDN. BHD.**

Lot 7-1 to 7-4, Jalan SP 2/7,  
Taman Serdang Perdana, Seksyen 2,  
43300 Seri Kembangan, Selangor, Malaysia.

**Attn: Avian PCR Test**



#### Pelanggan dari Singapura: -

##### **AXIL SCIENTIFIC PTE. LTD.**

41 Science Park Road, #04-08 The Gemini,  
Singapore Science Park II,  
117610 Singapore.

**Attn: Avian PCR Test**

[BAHASA MELAYU]

## Panduan Mengambil Sampel Burung

### Pengambilan Sampel **Bulu Pelepah** Burung

#### **Perhatian:**

Sekiranya anda tidak berpengalaman mengendalikan burung, kami mengesyorkan agar sampel diambil oleh pengendali burung yang berpengalaman atau doktor haiwan. Langkah berjaga-jaga ini adalah untuk keselamatan anda dan burung anda.

#### **Bahan**

- i) Isi Borang Atas Talian atau Cetak Borang Pesanan
- ii) Forsep
  - ✓ Bersihkan forsep dengan swab alkohol
  - ✓ Basuh tangan anda sebelum mengambil sampel untuk burung yang seterusnya.
- iv) Sampul surat / Beg Ziplock
  - ✓ 1 sampel burung dalam 1 sampul surat atau 1 beg ziplock sahaja.




#### **Kaedah pengambilan sampel**

1. Isikan butiran pada Borang Atas Talian/ Borang Pesanan.

Kemudian, label sampul surat / beg ziplock dengan:

- a. Nama Pemilik
- b. Nama Sampel Burung/ ID Gelang
- c. Spesies Burung



2. Pastikan burung dipegang dengan rapi. Bulu dada burung dicabut mengikut langkah di bawah:

- a. Ambil forsep yang dibersihkan dengan swab alkohol.
- b. Tuju ke pangkal bulu dekat dengan kulit dada burung (rujuk **Rajah 2**)
- c. Cabut SATU (1) bulu setiap masa. Ulang proses untuk mendapatkan TIGA (3) bulu dada burung.
- d. Bulu yang dicabut harus mempunyai folikel (warna putih) di hujungnya. Burung besar berkemungkinan mempunyai sisa darah. Biarkan sisa darah yang melekat pada bulu, dimana ia akan mempunyai DNA yang sesuai untuk ujian ini.

3. Sila ikut arahan berikut untuk menghantar sampel: -

- a. Elakkan sentuh hujung bulu/ folikel dari setiap sampel.
- b. Untuk setiap sampel burung, lekatkan bulu pelepahnya ke dalam sampul surat/ beg ziplock berlainan yang telah disediakan.

**NOTA:** *Jangan campurkan sampel daripada burung yang berlainan ke dalam sampul surat/ beg ziplock yang sama. Pastikan setiap sampel diletakkan dalam sampul surat/ beg ziplock yang berasingan pada setiap masa.*

4. Sila hantar sampel ke alamat berikut.

#### **Pelanggan dari Malaysia atau negara lain: -**

##### **APICAL SCIENTIFIC SDN. BHD.**

Lot 7-1 to 7-4, Jalan SP 2/7,  
Taman Serdang Perdana, Seksyen 2,  
43300 Seri Kembangan, Selangor, Malaysia.  
**Attn: Avian PCR Test**

#### **Pelanggan dari Singapura: -**

##### **AXIL SCIENTIFIC PTE. LTD.**

41 Science Park Road, #04-08 The Gemini,  
Singapore Science Park II,  
117610 Singapore.  
**Attn: Avian PCR Test**

[BAHASA MELAYU]

## Panduan Mengambil Sampel Burung

### Pengambilan Sampel Kulit Telur Burung

#### Penafian:

Berbanding dengan sampel darah atau bulu yang diambil terus daripada individu burung, kulit telur adalah sampel biologi yang berbeza dan mungkin mempunyai ralat pengenalan di kalangan burung. Pelanggan bertanggungjawab untuk asingkan kulit telur dengan betul sebelum ujian.

#### Bahan

- i) Isi borang atas talian atau cetak borang pesanan.
- ii) Sampul surat / Beg Ziplock
  - ✓ 1 burung sampel dalam 1 sampul surat atau 1 beg ziplock sahaja.
- iii) Pen penanda/ pen marker kekal



#### Kaedah pengambilan sampel

1. Isikan butiran pada Borang Atas Talian/ Cetakan Borang Pesanan. Kemudian, labelkan setiap sampul surat / beg ziplock dengan: -
  - a. Nama Pemilik
  - b. Nama Sampel Burung/ ID Gelang
  - c. Spesies Burung
2. Selepas telur menetas, asingkan kulit telur dengan berhati-hati. Labelkan identiti setiap burung dengan kulit telurnya menggunakan pen penanda kekal.  
**NOTA:** *Jangan bersihkan darah dalam kulit telur dan biarkannya sentiasa bersama dengan selaputnya. Kesan darah atau selaput kulit telur akan digunakan untuk ujian DNA nanti.*
3. Biarkan selaput kulit telur kering secara semula jadi (~24 jam) atau keringkannya dengan inkubator secara keseluruhan.  
**NOTA:** *Pastikan kulit telur kering sepenuhnya untuk menghalang pertumbuhan mikroorganisma yang boleh menjejaskan keputusan PCR.*
4. Sediakan kulit telur yang kering ke dalam sampul surat/ beg ziplock berasingan yang disediakan. Kulit telur boleh diserahkan dalam keadaan yang pecah, seperti yang ditunjukkan di **Rajah 3**.  
**NOTA:** *Jangan campurkan sampel daripada burung yang berlainan ke dalam sampul surat/ beg ziplock yang sama.*
5. Sila hantar sampel ke alamat berikut.

#### Pelanggan dari Malaysia atau negara lain: -

##### **APICAL SCIENTIFIC SDN. BHD.**

Lot 7-1 to 7-4, Jalan SP 2/7,  
Taman Serdang Perdana, Seksyen 2,  
43300 Seri Kembangan, Selangor, Malaysia.

**Attn: Avian PCR Test**

#### Pelanggan dari Singapura: -

##### **AXIL SCIENTIFIC PTE. LTD.**

41 Science Park Road, #04-08 The Gemini,  
Singapore Science Park II,  
117610 Singapore.

**Attn: Avian PCR Test**



**Rajah 3: Contoh kulit telur yang sesuai untuk ujian PCR.**